

21/07/2000

Sarawak perlu waspada tangani isu tanah NCR

Rosli Safar

"HUTANG darah, mesti dibayar darah," kata bapa mendiang, Mathew, Medan anak Munying, apabila ditanya mengenai kematian tragis anaknya yang diseksa dan dibunuh oleh kumpulan ajaran sesat Al-Ma'unah di Sauk, Perak, baru-baru ini.

Sebagai pewaris semangat kepahlawanan kaum Iban yang terkenal gagah dan berani di bumi Sarawak, Medan mahu menebus kematian anaknya.

Namun beliau akur Malaysia pada masa ini adalah sebuah negara yang berlandaskan undang-undang.

Kerana menghormati undang-undang, Medan sekadar berharap pihak yang mendera anaknya dihukum dan hukuman hendaklah setimpal dengan tindakan mereka.

Undang-undang secara keseluruhan menyelamatkan negara angkara kejadian di Sauk yang turut meragut nyawa Detektif Koperal R Sagadevan.

Apa tidaknya, andai kata negara ini tidak mempunyai undang-undang, pastinya kejadian di Sauk itu akan berpanjangan.

Keluarga mangsa serta mereka terbabit dalam rompak senjata itu saling berbalas tembakan, sekali gus mengubah kehidupan aman damai yang dikecapi selama ini.

Kerana itu kita harus menghormati undang-undang sepanjang masa dan kejadian di Sauk itu hendaklah dijadikan teladan bahawa tidak ada siapa boleh bertindak di luar batas undang-undang, sekiranya inginkan keamanan sekarang berterusan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa di Malaysia kita mengamalkan demokrasi yang mana kerajaan memberi kebebasan untuk menubuhkan parti untuk setiap pilihan raya.

Namun kata Perdana Menteri, pertandingan hendaklah berasas kepada program membangunkan negara, bukan berasas kepada kebencian dan kemarahan.

Rakyat kata Dr Mahathir, harus menolak politik kebencian, iaitu perasaan membenci antara kaum dan dengan penganut agama yang berbeza, kerana ia hanya mencetuskan huru-hara dan menghancurkan negara ini.

Di Sarawak yang bakal menghadapi pilihan raya negeri sebelum September 2001, diramalkan pelbagai perkara akan dibangkitkan oleh pihak tertentu ke arah memesongkan masyarakat untuk membenci kerajaan, bagi mencapai cita-cita mereka.

Soal tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) adalah perkara utama yang dilihat pemerhati politik di Sarawak, bakal dijadikan modal pihak tertentu bagi membangkitkan rasa kemarahan dan kebencian penduduk terhadap kerajaan.

Walaupun, kni program pembangunan tanah NCR berjaya memberi manfaat kepada ramai pemilik tanah, keluarga mereka dan masyarakat secara keseluruhan, namun suara-suara berbentuk hasutan masih kedengaran yang mana program pembangunan secara bersepadu itu dikatakan sebahagian usaha kerajaan negeri untuk merampas tanah rakyat.

Tanpa program NCR, pemilik tanah berkenaan hanya sekadar bergejar 'orang kaya tanah', tetapi kehidupan mereka daif, tanpa wang, tanpa kediaman selesa dan makan pun kadangkala kais pagi makan pagi.

Apa tidaknya, tanah NCR yang dianggarkan keseluruhan 1.5 juta hektar hanya sekadar menjadi 'hiasan kampung', berikutan ianya tidak mampu menjana perolehan dan ditumbuhi lalang dan semak samun.

Selepas kerajaan memperkenalkan NCR pada 1995, sebahagian pemilik tanah berkenaan menjadi orang 'kaya', kerana tanah mereka menjanakan hasil sawit yang banyak.

Namun usaha kerajaan memperkayakan pemilik tanah NCR yang terdiri daripada masyarakat Dayak dan kebanyakannya tinggal di luar bandar, digunakan oleh pihak tertentu untuk mencetuskan rasa benci kepada kerajaan.

Masyarakat harus sedar bahawa negara ini dibina dengan bertunjangkan undang-undang.

Justeru persoalan kerajaan merampas tanah rakyat sewenang-wenangnya atau kerajaan mahu menindas rakyat, tidak timbul, kerana kerajaan seperti orang biasa akur kepada kehendak undang-undang yang dirangka dan digubal.

(END)